

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 16.6.2015

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-4 Rancangan Malaysia Ke-10. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan gantian penuh 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di SJKC Permatang Tinggi, Bukit Mertajam pernah dipohon dalam Rolling Plan 4, RMKe-10 namun tidak diluluskan. Permohonan ini telah diangkat semula dalam Rolling Plan 1 (2016) RMKe-11. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaannya masih dalam tindakan penelitian oleh agensi pusat.